

BAB DUA

KONSEP AYAT

2.1. PENDAHULUAN

Bab ini mengemukakanuraian tentang konsep ayat dalam BM. Selain perihalan tentang takrif dan struktur ayat,uraian tentang pendekatan yang digunakan dalam kajian ini -- Tatabahasa Transformasi-Generatif (TTG) Model Teori Standard 1965 -- juga dikemukakan manakala Rumus Struktur Frasa (RSF) BM pula disentuh secara ringkas.

2.2. TAKRIF AYAT

Dua elemen diperlukan untuk menyatakan suatu pendapat dengan sempurna. Satu ialah **subjek** yang menamakan seseorang atau benda atau idea tentang sesuatu kenyataan dan yang kedua ialah **predikat** yang membuat kenyataan tentang subjek itu (Barker, 1939:4). Dengan itu, terbentuklah ujaran-ujaran yang sempurna

yang dikenali sebagai ayat (Hashim Musa, 1984:1).

Contoh:

SUBJEK	PREDIKAT
1. Ngah Jenab	isteriku
2. Dia	akan terus menghambakan diri kepada tanah
3. Tanah itu	warisan anak cucunya
4. Syaitan	cuba mencairkan cita-citanya
5. Kebun itu	akan dijaga dengan penuh kasih dan setia
6. Rosli	membetul-betulkan bantal yang melapik dadanya

Ayat merupakan unit yang menduduki tingkat paling tinggi dalam skala tatatingkat tatabahasa (Asmah Hj. Omar, 1980:1). Unit-unit lain yang membentuk ujaran sempurna ialah klausa, frasa, kata dan morfem dan mengikut tatatingkat tatabahasa, unit-unit itu disusun seperti berikut:

ayat
klausa
frasa
kata
morfem

Biarpun dua elemen itu — subjek dan predikat — diperlukan untuk membentuk ayat yang sempurna, ada kalanya ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan yang diucapkan dengan intonasi sempurna iaitu dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan (Nik Safiah Karim, et al., 1986:37). Contoh:

- 7. # Pergi! #
- 8. # Keluar! #
- 9. # Berhenti! #
- 10. # Masuk! #
- 11. # Diam! #

Keadaan sedemikian wujud apabila sesuatu ayat itu mengalami proses transformasi pengguguran (lihat

2.4.1.(1)). Contoh:

Tpg
Kamu pergi =====> **Pergi**

Kamu pergi merupakan ayat dasar dari daripada sudut TTG (lihat 2.4.), struktur itu struktur dalaman ayat berkenaan. Tetapi apabila melalui proses transformasi pengguguran, ayat dasar itu berubah menjadi ayat transformasi atau terbitan dan struktur dalaman ayat itu pula bertukar menjadi struktur permukaan.

Proses perubahan atau penerbitan semula ayat dapat dilihat dengan lebih jelas melalui pendekatan TTG yang disifatkan sebagai "jambatan di antara struktur dalaman dan struktur permukaan" (Jacobs & Rosenbaum, 1970:64).

Ini kerana TTG mengembangkan sifat-sifat eksplisit tatabahasa untuk menghasilkanuraian bahasa yang dapat memberi keterangan mengenai penghasilan dan pemahaman ayat (Postal, 1962:15).

2.3. STRUKTUR AYAT

Struktur pada dasarnya bermakna penyusunan bahasa secara keseluruhan dan elemen-elemen linguistik secara satu persatu ke dalam pola-pola yang bermakna (Hartmann & Stork, 1972:222).

Ayat pula dibentuk oleh beberapa unit tatabahasa seperti morfem, kata, frasa dan klausa yang, jika disusun dengan sempurna, akan membentuk ujaran yang sempurna.

Pembinaan sesebuah ayat sebenarnya melibatkan penyusunan urutan kata yang boleh diuraikan antaranya melalui satu rumus atau peraturan yang dipanggil Rumus Struktur Frasa (RSF) atau juga dikenali sebagai Rumus Konstituen. RSF ialah sejumlah rumus tulis-kembali yang tidak tetap urutannya ("unordered").

Berdasarkan Teori Standard (Chomsky, 1965:123, 141) iaitu model TTG yang digunakan untuk menganalisis ayat

dalam kajian ini, dua tugas utama RSF ialah memerihalkan sistem-sistem hubungan sintaksis yang wujud dan menentukan urutan-urutan dalaman bagi elemen-elemen sintaksis yang dengan itu memungkinkan berlakunya rumus-rumus transformasi.

Hubungan-hubungan sintaksis yang dinyatakan itu boleh diuraikan melalui:

- a. rajah kurungan
- b. rumus tulis-kembali
- c. rajah pohon

Contoh RSF bagi ayat berikut:

Mereka membaca buku

- a. Rajah kurungan:

[[[Mereka]] [[[membaca]]
 KN PN KK

[[buku]]]]]
 KN PN PK FP A


- b. Rumus tulis-kembali bagi (a)

i) A ----> FN + FP

ii) FN ----> KN

- iii) FP -----> FK
- iv) FK -----> KK + FN
- v) KN -----> { △ }
- vi) KK -----> { △ }

c. Rajah pohon bagi (a)



(A = ayat, FP = Frasa Predikat, FN = Frasa Nama,
FK = Frasa Kerja, KN = Kata Nama, KK = Kata Kerja)

(Untuk keterangan singkatan dan lambang-lambang
berikutnya, sila lihat bahagian singkatan dan lambang,
h:ix -xii)

Mengikut Hashim Musa (1987:59-60), RSF BM adalah

seperti berikut:

a! A ----> (K Hub Gab) A^n , di mana $n > 2$

b. A ----> (Penerang A) ({ Tanya
Perintah }) FN FP

c. FP ----> (Nafi) (K Penegas) { (K Femeri) { FN
FA
FS } }] (KET) (KET)
FK

d. KET ----> K Hub Panc A_2

e. FN ----> (Pn₁) (Gelaran) { FN (FNR N) (A₂)
(KN) { KK
KA
Ā } }] (Pn₂) (K Peneg)
as

f. FK ----> (Bantu) { KK_{tr} { FN
Ā } }] (PNR)
KK_{tr} ({ P1kp KK
Ā }) ,

g. FA ----> (BANTU) (PENG) KA (FNR) (Ā)

h. FS ----> (BANTU) Sn (K Arah) FN (FNR)

i. $Pn_1 \longrightarrow K$ Bil (Penj Bil)

j. $Pn_2 \longrightarrow \triangle$

k. $PNR\ N \longrightarrow \{ KN
KK
KA
FS \}$

l. $P1kp\ KK \longrightarrow \{ KA
FN
FS
KET \}$

m. $PNR \longrightarrow FS$

n. $BANTU \longrightarrow K$ Bantu (K Bantu) (PENG)

o. $PENG \longrightarrow K$ Penguat (K Penguat)

p. $\bar{A} \longrightarrow (K Komp) A_2$

q. $K \longrightarrow \triangle$ (di mana $K = KK, KN, KA, Sn$)

(Untuk keterangan lanjut mengenai RSF BM dan contoh-contoh penghasilannya dalam ayat, lihat Hashim Musa, 1987:59-179).

Berdasarkan pelbagai penyusunan elemen-elemen linguistik ini, terdapat tiga struktur ayat yang utama iaitu:

2.3.1. Ayat Dasar

2.3.2. Ayat Tunggal

2.3.3. Ayat Majmuk

2.3.1. Ayat Dasar

Dalam TTG, ayat dasar merupakan ayat yang dihasilkan daripada RSF yang hanya mengalami transformasi wajib iaitu transformasi yang diperlukan untuk membentuk rentetan-rentetan lambang supaya menjadi bentuk yang gramatis (Grinder & Elgin, 1973:70-71).

Ayat-ayat dasar yang biasanya merupakan pernyataan-pernyataan yang sederhana, bagaimanapun, boleh melalui satu lagi proses transformasi iaitu transformasi pilihan untuk menjadi bentuk-bentuk ayat yang lebih kompleks seperti ayat tunggal dan ayat majmuk (Hartmann & Stork, 1973:122). Dengan itu, ayat dasar ialah ayat yang menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan ayat yang lain dalam sesuatu bahasa. Dalam ayat dasar pula, konstituen subjek mesti mendahului konstituen predikat dan jenis ayatnya berupa ayat penyata (Hashim Musa, 1984:4). Contoh:

12. Ngah Jenab isteriku.
13. Ngah Seman meyakinkan hatinya.
14. Hidup ini perjuangan.
15. Dia ke kebun.
16. Ngah Seman bimbang.

2.3.2. Ayat Tunggal

Ayat tunggal atau ayat selapis merupakan ayat yang mempunyai klausa induk tanpa klausa-klausa gabungan atau pancangan (Hartmann & Stork, 1973:209), yang dibentuk daripada satu subjek dan satu predikat (Arbak Othman, 1981:241).

Jadi, ayat tunggal ialah bentuk ujaran yang mengandungi satu klausa sahaja iaitu terdapat di dalamnya satu konstituen subjek yang juga dikenali sebagai frasa nama (FN) dan satu konstituen predikat yang dikenali sebagai frasa predikat (FP), lagu pertuturan di awal dan akhir yang mengandungi kesenyapan yang sempurna (Hashim Musa, 1984:5).

Contoh:

17. # Suara Ngah Jenab mengenduri #
18. # Hamba ke Gua Musang #
19. # Kalsom emak Harun #
20. # Pak Ku Soh memberi cadangan #

2.3.3. Ayat Majmuk

Menurut Nik Safiah Karim (1979:10), ayat majmuk ialah ayat yang terdiri daripada dua atau lebih daripada dua ayat tunggal, sama ada disambung secara terus-menerus dengan menggunakan kata sambungumpamanya dan, atau, tetapi atau dengan sistem hubungan yang lebih rumit, yang memerlukan proses-proses yang memasukkan atau menggugurkan struktur-struktur tertentu, misalnya memasukkan perkataan-perkataan yang, bahawa, dsb.

Berdasarkan takrif tersebut dan untuk mengemaskan huraian terhadap ayat majmuk, struktur ayat ini boleh dibahagikan kepada tiga jenis yang utama (Nik Safiah, et al, 1986:97-117):

- a. ayat majmuk gabungan
- b. ayat majmuk pancangan
- c. ayat majmuk campuran

a. **ayat majmuk gabungan** ialah ayat yang terdiri daripada dua ayat tunggal atau lebih yang setara yang dijadikan satu dengan cara menggabungkan atau mencantumkan ayat-ayat itu dengan atau tanpa kata hubung gabungan dan, atau, tetapi, ... (Nik Safiah Karim, et al 1986:97-98). Contoh:

21. Pak Nik Ali mengambil dua helai daun dan melurutnya berulang kali.

22. Ngah Seman tidak menjawab tetapi hanya tersenyum.

b. **ayat majmuk pancangan** ialah ayat yang mengandungi satu ayat utama atau ayat induk dan satu atau beberapa ayat kecil lain yang dipancangkan di dalam ayat induk dan menjadi sebahagian daripada ayat induk itu.

Ada tiga jenis ayat majmuk pancangan (Nik Safiah Karim, et al, 1986:103):

- i) ayat relatif
- ii) ayat komplement
- iii) ayat berketerangan

i) ayat relatif mempunyai ciri yang khusus iaitu dicirikan dengan penggunaan kata relatif yang.

Contoh:

23. Kakinya yang menginjak batu itu tidak dapat bertahan.

24. Dia teringatkan Hasnah yang sudah tiada.

ii) ayat komplement "adalah suatu jenis ayat terbenam" (Pitsamai Intarachat, 1987:99) dalam erti kata ayat tersebut merupakan ayat kecil yang dipancangkan kepada ayat induk dan berfungsi sebagai pelengkap kepada kata kerja ayat induk.

Pembentukan ayat komplement biasanya disertai oleh perkataan tertentu yang digunakan sebagai kata komplement untuk memancangkan ayat kecil kepada ayat induk.

Dalam BM, cuma ada satu kata komplement, bahawa.

Contoh:

25. Para mandur kuburan masih menganggap bahawa talkin itu hanya mengajar orang mati.

26. Dia memastikan bahawa nadi Ngah Seman masih berdenyut.

iii) ayat berketerangan, menurut Nik Safiah Karim, et al (1986:112), ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk dan satu ayat kecil atau lebih yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat ayat induk.

Ayat berketerangan mempunyai dua ciri iaitu ayat itu dibentuk oleh satu ayat induk dan satu ayat

kecil atau lebih yang tidak dapat berdiri sendiri, dan terdapatnya kata hubung pancangan yang menjalankan ayat induk dengan ayat kecil. Kedudukan ayat kecil dalam ayat berketerangan tidak tetap. Contoh:

27. Dia akan kerugian besar jika kerajaan mengambil tanah itu.

28. Rubiah mengeringkan bibirnya sebelum mengincunya.

(Untuk perbincangan lebih mendalam dan terperinci tentang ayat berketerangan yang berupa inti kajian ini, sila rujuk kepada Bab Tiga dan Bab Empat.)

c. **ayat majmuk campuran** ialah ayat yang terdiri daripada lebih satu jenis ayat iaitu ayat itu dibentuk oleh ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk campuran.

Contoh:

29. Ku Mamat amat baik untuk Rubiah dan Ku Mamat akan menjadi suami yang bertanggungjawab kelak dan dia yakin Rubiah akan bahagia.

30. Angin petang yang berpuput lembut yang mengepakkan
daun-daun kayu dan lalang itu masih tidak dapat
menyejukkan hatinya yang resah.

2.4. AYAT: PENDEKATAN TATABAHASA TRANSFORMASI-GENERATIF (TTG) MODEL TEORI STANDARD 1965

Berdasarkan Tatabahasa Transformasi Generatif (TTG)

Model Teori Standard (Nik Safiah Karim, 1988:13-14),
model tatabahasa dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

- a. Bahagian Sintaksis
- b. Bahagian Semantik
- c. Bahagian Fonologi

a. Bahagian Sintaksis

Konsep struktur dalaman dan struktur permukaan
diperkenalkan dengan tegas dalam model ini. Rumus
dasar yang terkandung dalam bahagian sintaksis
terdiri daripada dua bentuk iaitu rumus struktur
frasa dan leksikon.

Rumus struktur frasa menghasilkan struktur-struktur dalaman yang melalui rumus-rumus tertentu diisi dengan item-item leksikal daripada bahagian leksikon.

Rumus transformasi diaplikasikan ke atas struktur-struktur dalaman itu untuk menghasilkan struktur-struktur permukaan.

b. Bahagian Semantik


Bahagian ini pula bertujuan untuk

- i) mencari satu asas yang dapat digunakan untuk membezakan ayat-ayat yang sama dan yang tidak bermakna, dan
- ii) memberi interpretasi semantik kepada ayat-ayat yang bermakna dalam bahasa

c. Bahagian Fonologi

Bahagian ini pula menyediakan rumus-rumus yang menerangkan bagaimana struktur permukaan diucapkan.

Skema model 1965 ini dapat digambarkan seperti berikut:



I ialah komponen dasar, III ialah komponen transformasi.

I dan III membentuk komponen sintaksis. II ialah komponen semantik, dan IV ialah komponen fonologi. II dan IV ialah komponen-komponen interpretasi. II dan IV masing-masing memproses hasil I dan III (Jacobsen, 1977:94-95).

Antara sebab-sebab utama model Teori Standard 1965 dipilih untuk menganalisis data dalam kajian ini ialah kerana:

- i) Teori Standard 1965 merupakan model TTG yang paling luas digunakan dan diterapkan untuk menghuraikan BM.
- ii) Teori Standard 1965 merupakan model yang diperbaiki daripada model Teori "Syntactic Structures" 1957. Hasil daripada ini, Teori Standard 1965 merupakan teori yang lebih mantap.
- iii) ayat majmuk juga dihuraikan oleh RSF dalam Teori Standard 1965 tanpa memerlukan rumus transformasi seperti dalam Teori "Syntactic Structures" 1957.

2.4.1. Jenis-jenis Transformasi

Dalam BM, penerbitan ayat-ayat dari pada struktur dalaman kepada struktur permukaan dapat dilakukan melalui dua proses transformasi:

- a. transformasi pengguguran
- b. transformasi penyusunan semula

a. Transformasi Pengguguran (Tga)

Transformasi pengguguran ialah proses transformasi yang berlaku ke atas struktur ayat yang mengakibatkan pengguguran unsur-unsur tertentu daripada binaan ayat itu dan dengan demikian, pada peringkat struktur permukaan, unsur yang digugurkan itu tidak lagi wujud. (Nik Gafiah Karim, et al 1986:206). Contoh:


31. Pak Ku Soh tidak setuju. Pak Ku Soh mendengar nasihat Ngah Seman.

Pak Ku Soh tidak setuju kerana Pak Ku Soh mendengar nasihat Ngah Seman.

=====> Pak Ku Soh tidak bersetuju kerana mendengar nasihat Ngah Seman.


Rajah pohon

(a)



Tpg-FN_{sub}
===== >

(b)



Rumus Transformasi Pengguguran FN Subjek:

	#	X - Y - Z - M	#				
SD	1	2	3	4	5	6	Tpg-FN _{sub}
SC	1	2	3	4	5	6	===== >

(Syarat: X = Z)

32. Rosli anak harapannya. Rubiah anak harapannya.


Rentetan struktur perantara bagi ayat di atas ialah:

Rosli anak harapannya dan Rubiah anak harapannya.

===== > Rosli dan Rubiah anak harapannya.


Rajah pohon

(a)



Tpg-FN_{Pred}
===== >

(b)



Rumus Transformasi Pengguguran FN Predikat:

	#	X - Y - Z - M	#
SD	1	2	3 4 5 6
SC	1	2	∅ 4 5 6

(Syarat: Y = M)

Tpg-FN_{Pred}
===== >

b. Transformasi Penyusunan Semula (Tps)


Proses ini melibatkan perubahan dalam kedudukan perkataan-perkataan di dalam ayat dasar yang akan diterbitkan semula dalam struktur ayat gramatis yang baru. Contoh:

33. Kerajaan menghadiahkan sebidang tanah kepada mereka.

===== > Kerajaan menghadiahinya mereka sebidang tanah.

Rajah pohon


(a)



Tps-Datif

===== >

(b)



Rumus Transformasi Penyusunan Semula Datif:

	#	X - Y - Z - M	#
SD	1	2	3 4 5 6
SC	1	2	3-i 5 4 6

Tps-Datif

===== >

Nota: i) kan ----> Ø : KK + kan ---> KK

Ø ----> i : KK + Ø ---> KK + i

ii) kepada ---> Ø

Dalam kajian BI, ia disebut perubahan "dative"


UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY MICROFILM

34. Pokok-pokok bayam itu subur betul.

=====> Subur betul pokok-pokok bayam itu.

Rajah pohon


(a)



Tps-FA

=====>

(b)



Rumus Transformasi Penyusunan Semula FA:

	#	X	-	Y	-	Z	-	M	#	
SD	1	2	3	4	5	6				Tps-FA
SC	1	4	5	2	3	6				=====>

2.5. KESIMPULAN

Bab ini telah menghuraikan pelbagai ciri dan aspek yang terdapat dalam sesbuah ayat. Kepelbagaiannya ciri dan aspek ini terhasil daripada penghubungkaitan morfem, kata, frasa dan klausa yang akan melahirkan sesuatu bentuk ayat. Cara morfem, kata, frasa dan klausa disusun dan dihubungkaitkan antara satu sama lain berupaya menghasilkan pelbagai struktur, jenis dan ragam ayat seperti ayat dasar, ayat tunggal dan ayat majmuk.

Di samping itu, bab ini juga menghuraikan pendekatan TTG model Teori Standard 1965 yang digunakan untuk menganalisis ayat-ayat di dalam kajian ini.


Bab ini juga menghuraikan dua jenis transformasi yang utama dalam BM – transformasi pengguguran dan transformasi penyusunan semula.

Catatan

1. Rumus a. $A \longrightarrow (\text{K Hub Gab}) A^n$, di mana $n \geq 2$

Rumus ini menyatakan bahawa ayat boleh dibentuk oleh beberapa ayat yang bertaraf setara yang dihubungkan oleh kata hubung gabungan. Ayat demikian dipanggil ayat majmuk gabungan. Kaedah RSE ayat majmuk gabungan ini didasarkan di atas kaedah yang dibuat oleh Ross (1967) yang menerbitkan ayat gabungan daripada ayat-ayat yang telah ditentukan dan meletakkan kata hubungnya di dalam struktur dalaman. Rumus a di atas boleh menerbitkan Penanda-Fr seperti (i) berikut:

(i)




Dengan berpandukan Ross (1967), apabila prinsip penyalinan kata hubung (conjunction copying) diterapkan ke atas bentuk (i) di atas, maka perubahan-perubahan akan berlaku seperti yang ditunjukkan dalam (iii) berikut:

(ii)

T-penyalinan K Hub



(Struktur dalaman)




Maksudnya, transformasi penyalinan kata hubung meletakkan kata hubung pertama itu di hadapan setiap ayat yang digabungkan, dan cara perletakan itu dibuat melalui satu proses yang dipanggil Chomsky-adjunction.

Proses Chomsky-adjunction ini meletakkan nod (= node) Hub Gab di hadapan nod A_2 dan A_3 yang menyebabkan timbulnya satu salinan baru kepada A_2 dan A_3 . Bentuk salinan baru itu letaknya lebih ke atas daripada A_2 dan A_3 yang asal dan dengan itu menaungi nod-nod K Hub Gab dan A_2 atau A_3 itu, seperti (iii) berikut:

(iii)



Kemudian, rumus pengguguran kata hubung pertama dikenakan ke atas Penanda-Fr dalam (ii) di atas, yang menghilangkan nod K Hub Gab itu, dan rumus S-Pruning Convention menghilangkan cabangan A_1 yang asal, menerbitkan Penanda-Fr (iv) berikut:



Dalam BM, ayat-ayat setara yang boleh mengalami proses penggabungan demikian, seperti juga dalam bahasa Inggeris (lihat Akmajian dan Heny, 1975:24) boleh berjumlah sebanyak mungkin terutama sekali dalam bahasa tulisan. Walau bagaimanapun dalam bahasa lisan, jumlahnya dikawal oleh faktor-faktor sosiologi dan psikologi bahasa (yang tidak akan dibincangkan di sini). (Hashim Musa, 1987:61-63)